

405 selesai jalani latihan PSSTLDM, PALAPES Laut

Oleh **ROKIAH ABDULLAH**
rokiah.abdullah@utusan.com.my

SERAMAI 405 Pegawai Kadet Kanan (PKK) dari sembilan buah universiti tempatan selesai menjalani Kursus Bakal Pegawai Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) dan Kursus Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Tahun 1 dan 2 yang diadakan selama dua minggu di KD Sultan Idris 1 (KDSI 1) di sini bermula 20 Januari lalu.

Mereka merupakan mahasiswa daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Pegawai Memerintah KDSI 1, Kepten Roslan Mohd. Yunus TLDM berkata, lebih membanggakan pada sesi kali ini, kursus yang diadakan setahun sekali pada cuti semester awal tahun itu berjaya mencatatkan penyertaan pelatih teramai.

Menurutnya, penyertaan daripada bukan Melayu juga semakin meningkat apabila 15 peratus daripada jumlah tersebut merupakan kalangan pelatih bukan

Melayu termasuk dari Sabah dan Sarawak.

“Jika kita bandingkan jumlah penyertaan dalam kursus ini setiap tahun, sama ada daripada kalangan Melayu dan bukan Melayu, jumlah itu semakin bertambah.

“Minat tersebut banyak didorong akibat pengubahsuaian dalam modul yang digunakan apabila semasa Tahun 2, pelatih berpeluang merasai pengalaman sebagai seorang tentera laut sebenar yang sebelum ini hanya dilakukan secara teori,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Jelas Roslan, pada tahap berkenaan, pelatih berpeluang untuk mengenal dengan lebih dekat fungsi unit-unit TLDM melalui lawatan ke Markas Udara, PUSTAKMAR, KD Duyong dan KD Panglima Hitam serta latihan pelayaran dengan KD Mahawangsa.

Di samping itu, katanya, pelatih juga berpeluang untuk melaksanakan latihan navigasi di WASPADA, mengemudi kapal layar kecil di Boathouse serta Mengawal Kerosakan Melawan Api (MKMA)

“Kesemua pelatih kursus pada kali ini turut diberi pendedahan secara menyeluruh berkenaan dengan Latihan Pertahanan Pangkalan yang dikoordinasikan secara bersama oleh semua pegawai dari Fakulti Asas dan *Sea Survivor* di Pusat Latihan Kemahiran Air (PLKA).

“Latihan seumpama ini bertujuan agar peserta mendapat serba sedikit ilmu dan pengalaman semasa situasi perang dan pengalaman seperti ini amat sukar untuk didapati di mana-mana pun,” katanya.

Tambah beliau, PALAPES Laut selain ditubuhkan untuk memberi ruang kepada penuntut universiti menceburi bidang ketenteraan juga merupakan satu medium untuk membentuk sekumpulan Pegawai Dalam Latihan (PDL) yang boleh mendukung dan menjadi benteng negara.

“Data setiap daripada mereka yang menyertai PALAPES di KDSI 1 berada dalam simpanan kita. Meskipun mungkin tidak lagi aktif sebaik sahaja menamatkan pengajian tetapi mereka telah didedahkan dengan latihan asas ketenteraan.



KEPTEN ROSLAN MOHD. YUNUS TLDM

